


<http://www.mudah.my/1kedai-dotcom>  id="Image2\_img" src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WIhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF\_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy\_Long.gif" width="488" height="39"/>

 src="http://www.1kedai.com/kedai/images/kayu-madu.jpg" mce\_src="images/kayu-madu.jpg" width="400" height="156" border="0"/>

Menurut kajian perubatan yang dijalankan di Kanada (Januari 1995), campuran madu asli dan kayu manis mampu mencegah serta merawat **14 JENIS PENYAKIT.**

Berikut adalah kehebatan campuran madu asli dan kayu manis:

- 1. Jerawat**

Campurkan 3 sudu madu asli dan 1 sudu kayu manis. Kemudian, sapukan campuran itu pada muka (bahagian yang ada jerawat) lakukan sebelum tidur.

Pada keesokan pagi, bersihkan wajah anda dengan air suam. Amalkan setiap hari selama 2 minggu berturut-turut.

Hasilnya, ia akan menyingkirkan jerawat anda dari akar umbi. Selain itu, kulit anda akan terasa segar, awet muda dan juga merawat masalah kulit seperti ekzema.
- 2. Sakit perut**

Campuran madu dan kayu manis pun boleh melegakan sakit perut serta membersihkan perut.

Ia akan membebaskan angin-angin di dalam perut. Di samping itu juga , ia boleh menurunkan berat badan.
- 3. Selesema**

Sekumpulan saintis Sepanyol telah berjaya membuktikan bahawa madu asli mengandungi bahan semulajadi yang mampu membunuh virus penyebab selsema.
- 4. Keguguran rambut**

Bagi anda yang mengalami keguguran rambut, boleh gunakan khasiat campuran ini. Ambil campuran 1 sudu madu dan 1 sudu serbuk kayu manis, kemudian sapukan pada kulit kepala.

Biarkan selama 15 minit. Kemudian bilas dengan air sehingga bersih.
- 5. Sakit gigi**

Kalau sakit gigi, ambil 1 sudu serbuk kayu manis dan campurkan dengan 5 sudu teh madu asli.

Letakkan campuran tadi kat bahagian gigi yang sakit tadi. Amalkannya 3 kali sehari sehinggalah hilang rasa sakit gigi.
- 6. Penghadaman**

Bagi melancarkan sistem penghadaman dan pencernaan tubuh anda, ambillah campuran 2 sudu madu asli dan serbuk kayu manis.
- 7. Jangkitan pada pundi kencing**

Jika anda ada masalah jangkitan kuman kat pundi kencing? Kalau ada, anda haruslah membunuh bakteria yang ada didalamnya.

Caranya;

Ambil 1 sudu madu asli dan 2 sudu serbuk kayu manis. Kemudian, campurkan ke dalam secawan air suam. Amalkan meminum air tersebut.
- 8. Kolestrol**

Untuk mengurangkan tahap kolestrol dalam darah sebanyak 10% dalam masa kurang daripada 2 jam??

Caranya;

Ambil 2 sudu teh madu dan 3 sudu teh serbuk kayu manis. Kemudian, campurkan dengan 16 auns teh dan minum air tersebut.
- 9. Sakit jantung**

Di samping dapat mengurangkan kadar kolestrol, campuran madu asli dan serbuk kayu manis ini boleh mengurangkan risiko serangan jantung.

Ia turut membantu sistem pernafasan berjalan lebih lancar serta mengekalkan kadar normal bagi denyutan jantung.
- 10. Arthritis**

Sekiranya anda pesakit arthritis, amalkan meminum campuran secawan air panas dengan 2 sudu campuran madu asli dan serbuk kayu manis setiap hari.

Melalui kajian yang dibuat oleh University Copenhagen, 73 daripada 200 pesakit yang mencuba rawatan ini berjaya sembuh 100%.
- 11. Sistem imunisasi**

Amalan pengambilan campuran ini juga mampu menguatkan sistem imunisasi serta melindungi tubuh daripada jangkitan bakteria.

Ini kerana, para saintis telah membuktikan bahawa madu asli mengandungi kandungan vitamin dan zat besi yang tinggi.
- 12. Masalah**

kesuburan

Bagi golongan lelaki; ambil 2 sudu madu sebelum tidur mampu meningkatkan kesuburan.

Untuk golongan wanita; ambil 1/2 sudu serbuk kayu manis dicampurkan dengan 1 sudu teh madu untuk meningkatkan kesuburan.

**13.** Masalah nafas berbau dan kurang pendengaran

Minum secawan air panas yang dicampurkan dengan 1 sudu teh madu asli dan serbuk kayu manis. Amalkan minum air campuran ini pada setiap pagi.

Ia membantu menyegarkan nafas dan mengekalkan daya pendengaran secara normal.

**14.** Mengekalkan tahap kesihatan yang baik

Untuk mengekalkan tahap kesihatan anda, amalkan meminum setiap hari;

Campuran 3 cawan air teh panas dengan 4 sudu madu asli dan 1 sudu serbuk kayu manis.

Wallaahwa'alam

---

**KEISTIMEWAAN MADU DALAM ISLAM**

Dalam sejarah Islam fakta Madu yang amat popular dirakam di dalam Al-Quran [16] Surah An-Nahl [Ayat 69] melalui perintah Allah Subhanahu Wata'ala kepada lebah;

Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutilah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkanNya kepadamu. Dengan itu keluarlah dari badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda (membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

**a. Penyembuh Yang Mujarab**

Ambillah, pergunakanlah olehmu sekalian akan dua penyembuh iaitu Madu dan Al-Quran

Riwayat Ibnu Majah

Kita perlu mengambil Madu setiap hari untuk kekal sihat kerana ia bukan sekadar membekalkan banyak zat malah juga didapati boleh meningkatkan tenaga, merangsang dan memperbaiki aliran darah.

**b. Kuasa Mencerdaskan Otak**

Madu juga kaya dengan fruktosa iaitu gula ringkas yang boleh diserap terus ke dalam darah untuk memberi tenaga segera. Tidak hairanlah para penyelidik menggelar Madu sebagai agen untuk mencerdaskan otak kerana apabila aliran darah lancar, lebih banyak oksigen dapat dibawa ke otak.

**c. Antioksidan & Menghenti Serangan Bakteria**

Sungguh menarik, Madu boleh menjadi antibiotik dan antiseptik bagi melawan jangkitan bakteria samada dalaman dan luaran. Kajian penyelidik Universiti Wales mendapati bahawa Madu boleh menghentikan aktiviti bakteria yang menyerang luka dan menghalang jangkitan daripada terus merebak. Benarlah seperti pesan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam;

Dari Abu Hurairah, kata beliau: Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang menjilat Madu sebanyak tiga kali pagi setiap bulan, maka dia tidak akan terkena cubaan yang besar.

Secara umumnya setiap titis Madu mengandungi:

Vitamin - A, B1, B2, B3, C, D, E dan K. Garam Galian - Kalsium, Fosforus, Sulfur, Zat Besi, Karbon, Magnesium, Natrium, Kalium, Klorin, Iodin, Kuprum, Mangan, Silika. Beta Karoten. Gula - Glukosa, Fruktosa dan Sakarin.

**Antara manfaat Madu yang lain ialah:**

- Membekalkan tenaga segera, Gula dalam Madu mudah dihadam dan sebagai sumber dan memulihkan tenaga. Membantu melawaskan sistem pencernaan.
- Membantu buah pinggang berfungsi dengan lebih baik.
- Mencergaskan dan menenangkan fikiran disebabkan banyak oksigen dibawa ke otak.
- Mengurangkan kesakitan kulit terbakar.
- Mengurangkan parut.
- Merangsang pertumbuhan sel baru dan mempercepatkan penyembuhan luka.

[http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com\\_content&view=article&id=101&Itemid=21](http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com_content&view=article&id=101&Itemid=21)

## Khasiat Kayu Manis + Madu

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 13 April 2010 10:58 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 01:08

---

src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image\_1Kedai/v-promo%20tko.gif"  
mce\_src="images/Image\_1Kedai/v-promo%20tko.gif" width="488" height="80"></a><br  
mce\_bogus="1"></p> <hr> <p><i><a  
href="http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com\_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"  
mce\_href="index.php?option=com\_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"><i  
mg alt="Kembali ke koleksi utama artikel"  
src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image\_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg"  
mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493"  
height="300"></a></i></p><p><u><b>Rayuan admin 1Kedai</b>:</u> Jika anda tidak  
keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan  
kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:<br /> <b>" Sebaik-baik  
manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain "..</b>  
<i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu halaman ini: </i></p><p><br /></p> <p><br /><br /><br /></p>